



Baca dan fahami.

Nurseri Ibu Yen Ni



Ibu Yen Ni **mengusahakan** sebuah nurseri. Dia menanam pelbagai jenis pokok bunga. Antaranya termasuklah pokok bunga kertas, pokok bunga orkid dan pokok bunga ros. Pokok bunganya **tumbuh** cantik.

Pada hujung minggu, Yen Ni membantu ibunya. Dia menyiram pokok bunga dan **menggemburkan** tanah. Dia **membubuh** baja pada pokok bunga itu. Daun-daun kering yang terdapat di dalam pasu bunga dan sekitarnya juga dibuang.

Yen Ni bercita-cita untuk **mengusahakan** nurseri seperti ibunya. Selain itu, dia ingin membuka sebuah kedai bunga apabila dewasa kelak.

Perkataan	tumbuh	menggemburkan	membubuh	mengusahakan
Maksud	hidup menjadi lebih besar	menjadikan tanah longgar	meletakkan sesuatu	menjalankan perniagaan